

MEDAC sambut baik Pakej Prihatin PKS

Harap bantuan dapat teruskan kelangsungan operasi perniagaan

Oleh SUHARNE ZAINUDIN

KUANTAN

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyambut baik inisiatif dibentangkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) kelmarin yang memberi fokus kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS), pemula niaga dan sektor informal.



WAN JUNAIDI

Menterinya Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tunku Jaafar dalam satu kenyataan berkata, sejumlah RM200 juta telah disediakan oleh kerajaan bagi pembiayaan Skim Kredit Mikro untuk membantu aliran tunai perniagaan usahawan dengan pemansuhan kadar faedah dua peratus kepada kosong peratus dan had maksimum pinjaman adalah sebanyak RM10,000 bagi setiap usahawan mikro yang layak.

"MEDAC amat komited bagi memastikan inisiatif yang diumumkan ini dapat dinikmati segera oleh usahawan yang disasarkan," katanya semalam.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, MEDAC melalui Tekun Nasional telah mengenal pasti



mekanisme pelaksanaan yang akan dilaksanakan bagi memastikan kelancaran pemberian in-

sentif tersebut.

"Pemohon hanya perlu mengemukakan satu bulan penyata kewangan, pemohon dalam senarai hitam Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Pendidikan (PTPTN) boleh dipertimbangkan dan usahawan yang belum berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) layak memohon tetapi perlu mendaftar dengan SSM," katanya.

Tambah beliau, sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan hotline Tekun di talian 03-9059 8888 atau layari laman sesawang www.tekun.gov.my.

"Diharapkan pengumuman ini dapat membantu usahawan meneruskan kelangsungan operasi perniagaan mereka dalam tempoh yang sukar ini," katanya.